

PENAMBAH BAIKAN SISTEM PILIHAN RAYA DI MALAYSIA

Undi Pos

Harus dimansuhkan.

Cara Menggantikan Undi Pos

1. Boleh/ benarkan mereka mengundi dimana mereka bertugas dengan cara mendapat surat dari DO/ Pegawai Pilihan Raya di setiap kawasan.
2. Mengundi dahulu sebelum mulakan tugas di setiap daerah mengundi, barulah diikuti oleh orang awam.

Undi Pos Luar Negara

Tidak perlu kerana undi pos dalam Negara pun ramai pihak tidak berpuas hati dan timbul pelbagai tuduhan yang tidak baik terhadap SPR. Justeru itu ia mesti dimansuhkan jadi jangan lagi timbulkan masalah baru oleh SPR.

Politik Wang/ Meterial

1. Setiap kali Pilihan Raya BN/ UMNO menggunakan wang atau material diagih-agihkan kepada pengundi sebelum/ selepas mengundi.
2. Cara ini adalah tidak betul. Rasuah, menipu, dan mempengaruhi pengundi supaya mengundi BN.
3. Cara ini bertentangan dengan akta kesalahan-kesalahan Pilihan Raya yang dibuat oleh SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya).

Cara Mengatasi

- a) SPR mestilah melantik lebih ramai pemantau dari kalangan parti-parti politik supaya boleh memantau parti lawan dari menggunakan wang/ taktik kotor.
- b) Menguatkuasakan laporan-laporan yang dibuat oleh parti-parti politik selepas Pilihan Raya berdasarkan bukti-bukti yang kukuh.

- c) Tidak boleh/ tidak dibenarkan mengumumkan pemberian-pemberian seperti **KWAMP** dengan tujuan mengugut, mempengaruhi orang awam supaya mengundi **BN**. Ini adalah satu cara penipuan oleh **BN**.

Kelulusan Projek Kilat Semasa Pilihan Raya

Bila Dewan Rakyat/ Parlimen dan Negeri dibubarkan, sudah tentu tiada lagi kerajaan dan dengan itu kelulusan projek tidak dibenarkan lagi.

Penggunaan Harta Kerajaan Semasa Pilihan Raya

Segala harta atau kenderaan kerajaan sepatutnya tidak boleh digunakan oleh calon-calon **BN** semasa Pilihan Raya berjalan.

Pengesahan Kad Pengenalan Penggundi

Suruhanjaya Pilihan Raya (**SPR**) disarankan untuk menyediakan mesin pengesan/pengimbas untuk maklumat peribadi Penggundi seperti di Bank agar kad pengenalan penggundi tidak diklon atau dipalsukan.

Tong Undi Lewat Dihantar (Undi pos)

1. Cara ini haruslah dimansuhkan.
2. Tong undi yang lewat dihantar atas nama undi pos tidak harus diterima.
3. **SPR** haruslah menolak tong undi ini kerana tidak sah.
4. Cara ini adalah satu penipuan yang terancang.

Penggunaan Dakwat Kekal

SPR haruslah menggunakan dakwat kekal kepada penggundi agar penggundi hantu (menggundi berulang kali) dapat dielakkan.

Disediakan Oleh :

(ADRI TARIPAN)

DAP SABAH

25 NOV 2011